

**PUCUNG BAKAU**  
Indian-pond Heron

FAMILI: Ardeiae  
NAMA SAINTIFIK: *Ardeola grayii*

**CIRI-CIRI**

Semasa di luar musim membiak, individu dewasa bagi spesies ini agak sukar dibezakan dengan spesies pucung yang lain. Semasa musim membiak, bahagian kepala, tengkuk dan dada berwarna kuning pucat kecoklatan dimana pada bahagian kepala terdapat bulu yang panjang berwarna putih. Bahagian rengkong pula berwarna putih manakala bahagian atas belakang badan serta pangkal sayap berwarna merah hati ke warna coklat serta bulu pada bahagian atas sayap yang berwarna kuning pucat. Individu juvenil bagi spesies ini agak sukar dibezakan dan menyerupai spesies pucung yang lain.

**MAKANAN**

Makanan utama spesies ini terdiri daripada haiwan-haiwan akuatik termasuklah ikan, amfibia, haiwan invertebra, ketam, mamalia kecil dan juga anak-anak burung.

**HABITAT**

Spesies ini boleh dijumpai di kawasan tanah lembap serta di kawasan persisiran kolam air tawar di kawasan rendah.

**BUNYI**

Burung ini mengeluarkan bunyi yang berulang *urrr urrr urrr* serta bunyi *okh* yang kosong semasa terbang. Semasa musim membiak, spesies ini mengeluarkan bunyi *wa-koo* yang berulang.

**PEMBIAKAN**

Musim membiak bagi spesies ini adalah pada bulan Mei hingga September di mana sarang dibina berbentuk seperti platform di atas pokok yang berketinggian di antara 2-4 m dari paras tanah. Telur yang dihasilkan adalah sebanyak 3-5 biji berwarna hijau pudar dan berukuran kira-kira 38 X 28.5 secara purata.